

KUPASAN MUTU JAWAPAN

BAHASA MELAYU 1
1103/1

SPM 2017

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod	:	1103/1
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah	:	130 markah
Masa	:	2 jam 15 minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas ini mengandungi 2 bahagian, iaitu **Bahagian A dan Bahagian B**:

Bahagian A :Penulisan berdasarkan bahan rangsangan – 30 markah.
Kepanjangan : 200 – 250 patah perkataan.

Bahagian B :Penulisan satu daripada lima tajuk pilihan – 100 markah.
Kepanjangan : Melebihi 350 patah perkataan.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Soalan

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

Huraikan pendapat anda tentang **peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah**. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

PERANAN UNIT BIMBINGAN DAN KAUNSELING



Menyediakan Khidmat Nasihat



Memberikan Bimbingan Kerjaya



Meningkatkan Motivasi Murid

Calon perlu menghuraikan peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah

Contoh Jawapan Cemerlang

Dalam meniti arus komodenon ini, Unit Bimbingan dan Kaunseling menjadi satu keperluan dan kewajipan di setiap sekolah. Unit Bimbingan dan Kaunseling ialah satu unit yang terdapat di sekolah yang terdiri daripada beberapa orang guru yang mempunyai kelulusan dalam bidang tersebut. Pada zaman dahulu, Unit Bimbingan dan Kaunseling tidak wujud di sekolah untuk membantu pentadbiran sekolah. Di sekolah-sekolah pada zaman dahulu hanya mempunyai guru-guru yang bertanggungjawab menjaga, mendidik dan mengawasi para pelajarannya. Jika seseorang pelajar mempunyai masalah dalam aspek akademik, kukikulum dan masalah ~~masa had~~ lain mereka akan menyelesaikan masalah tersebut dengan sendiri tanpa meminta bantuan orang lain tidak kira guru-guru, ibu bapa atau rakan-rakan. Sikap mereka ini menjadikan mereka seronok yang matang dan berfikir jauh. Kini, Unit Bimbingan dan Kaunseling diperkenalkan dan para pelajar berpeluang untuk menyelesaikan masalah dengan pertolongan mereka. ~~Perdana Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahadir bin Khalid pernah berkata~~ Perdana Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahadir bin Khalid pernah berkata bahawa guru-guru hendak membantu pelajar supaya menjadi insan yang berguna pada masa hadapan. Namun, apakah ~~peranan~~ peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah?

Pada bahagian pengenalan calon dapat memahami tugas tentang peranan dan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

Selain itu, Unit Bimbingan dan Kaunseling juga berperanan memberikan bimbingan kerjaya di sekolah. Hal ini amat penting kerana majoriti pelajar sekolah masih tetap belum menetapkan hala tuju kehidupan mereka kerana keturungan bimbingan. Oleh itu, bimbingan kerjaya yang diberikan dapat memastikan murid melakukan pilihan kerjaya yang diinginkan mereka dan selaras dengan minat dan kebolehan mereka. Bimbingan kerjaya juga bukan sahaja mendedahkan pelajar kepada jenis-jenis pekerjaan dan peluang kerjayanya malah turut membantu pelajar yang bakal meninggalkan alam persekolahan untuk memilih institusi pengajian tinggi yang disediakan sama ada di dalam atau di luar negara. Unit Bimbingan dan Kaunseling bukan sahaja memberi bimbingan secara individu tetapi turut mengadakan program-program seperti ceramah, bengkel dan lain-lain kerjaya. Sebagai contohnya, pelajar tingkatan lima yang bakal menghabiskan pendidikan pembelajaran mereka di sekolah sering ditase membantu oleh guru kaunseling atau kaunselor untuk menentukan bidang yang bakal mereka ceburi di universiti. Hakikatnya, peranan unit tersebut dapat memberikan bimbingan kerjaya merupakan satu khidmat yang percuma daripada segi kosnya, tetapi tidak ternilai daripada segi manfaatnya.

Pada bahagian huraian idea, ketiga-tiga idea yang diuraikan oleh calon iaitu, menyediakan khidmat nasihat, memberikan bimbingan kerjaya dan meningkatkan motivasi murid telah diuraikan dengan jelas dan matang serta mengemukakan dengan contoh yang sesuai. Calon dapat menghuraikan peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling melalui bimbingan kaunselor, iaitu memastikan murid dapat melakukan pilihan kerjaya yang diinginkan selaras dengan minat dan kebolehan yang mereka miliki. Selain itu, pihak Unit Bimbingan dan Kaunseling membantu murid untuk memilih pusat pengajian tinggi yang disediakan sama ada dalam negara atau luar negara. Program-program yang diadakan seperti ceramah dan kem motivasi mampu menyuntik semangat dalam diri pelajar.

Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah, program-program yang diadakan seperti ceramah dan kem motivasi mampu menyuntik kembali semangat dalam diri pelajar. Unit Bimbingan dan Kaunseling juga turut memberikan kesedaran motivasi dalam bentuk kesedaran kepada pelajar yang masih lena dibuai mimpi. Peningkatan motivasi yang dilakukan oleh unit ini juga merupakan satu inisiatif untuk melahirkan sebuah masyarakat yang optimis dan produktif. Sebagai contoh, seorang pelajar yang berputus asa dalam pelajaran akan dapat mendapat motivasi yang merealisasikan ajakan paradigma dalam diri mereka, khususnya dalam persepsi mereka terhadap kegagalan. Izharyya, Unit Bimbingan dan Kaunseling merupakan pemangkin bagi murid meningkatkan motivasi mereka.

Calon menulis dengan menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis. Terdapat unsur bahasa yang bervariasi. Laras yang digunakan oleh calon sesuai dengan tugas yang diberikan. Kosa kata yang digunakan oleh calon luas dan tepat. Contohnya, transformasi pendidikan, anjakan paradigma dan pemangkin. Calon juga dapat menggunakan ungkapan yang menarik dan tepat penggunaannya. Calon menulis frasa menarik seperti membentuk modal insan berketerampilan, pelajar masih lena dibuai mimpi, murid perlulah bersikap proaktif, memberi komitmen sepenuhnya.

Pemerenggan seimbang dan menimbulkan kesan kepada pembaca. Calon dapat menggunakan wacana dengan tepat. Contoh wacana yang dikemukakan ialah selain itu dan di samping itu. Sementara itu, calon juga dapat mengemukakan idea yang bernas dan perenggan diolah dengan sesuai.

Berdasarkan huraian-huraian tersebut, dapatlah saya simpulkan
simpulkan bahawa unit di sekolah yang lengkap perlu
mempunyai Unit Bimbingan dan Kaunseling. Hal ini demikian
kerana Unit Bimbingan dan Kaunseling berupaya untuk
melahirkan generasi muda yang berwawasan tinggi serta
cemerlang duntawi dan ukhtawi. Perkara ini sejajar dengan
Transformasi Nasional 2020 (TN20) yang bermatlamat untuk
melahirkan masyarakat yang cemerlang, terbilang dan gemilang.
Kesimpulannya, kita semua perlulah memainkan peranan
masing-masing kesimpulannya, semua pihak khususnya pihak
sekolah perlu meningkatkan menjayakan Unit Bimbingan
dan Kaunseling agar dapat menjadi sekolah contoh, meningkatkan
tinggi sekolah serta negara di persada dunia.

Calon berupaya menulis kesimpulan yang **mantap**, iaitu menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

Contoh Jawapan Sederhana

Unit Bimbingan dan Kaunseling merupakan
persatuan yang memainkan peranan penting
di setiap sekolah oleh Jabatan Kementerian Pelajaran
Malaysia. Unit Bimbingan dan Kaunseling. Di unit
kaunseling ada guru kaunseling. Mereka pergi ke unit
bimbingan dan kaunseling untuk selesaikan masalah
yang dihadapi. Ada yang masalah disiplin tidak di padai
dan kewangan. Apakah peranan Unit Bimbingan
dan Kaunseling?

Pada bahagian pengenalan, calon kumpulan sederhana masih dapat memahami tugas soal-soal tentang peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

Terdapat beberapa peranan unit bimbingan dan kaunseling di sekolah. Antara peranan tersebut ialah menyediakan khidmat nasihat khas untuk para pelajar. Pelajar akan dibantu oleh guru kaunseling. Dengan itu pelajar dapat menenangkan fikiran dan emosi sekitarnya membuat perjumpaan dengan guru kaunseling. Kesannya pelajar akan mendapat pelbagai nasihat dan motivasi daripada guru kaunseling. Jelaslah bahawa, pelajar tidak akan berasa tertekan terhadap masalah tersebut dan mengetahui cara-cara untuk menyelesaikannya.

Calon masih dapat menghuraikan peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling. Peranan tersebut juga masih **dihuraikan** berdasarkan maklumat yang diberikan dalam soalan, iaitu menyediakan khidmat nasihat, memberikan bimbingan kerjaya dan meningkatkan motivasi murid. Calon menggunakan **bahasa yang gramatis** tetapi **terdapat kesalahan tatabahasa yang minimum**. Contohnya **cikgu kaunseling harus membuat ceramah**. Laras bahasa yang digunakan oleh calon sesuai dengan tugas yang diberikan. Calon hanya menggunakan **kosa kata umum**. Olahan idea yang disampaikan oleh calon masih menarik. Pemerenggan yang digunakan oleh calon pula masih sesuai.

Kesimpulannya, Unit Bimbingan dan Kaunseling ada banyak peranan. Peranan ini ialah menyediakan khidmat nasihat, memberikan bimbingan kerjaya, dan meningkatkan motivasi murid. Cikgu kaunseling harus membuat ceramah supaya murid raih datang ke bilik kaunseling.

Pada bahagian kesimpulan, calon hanya menyatakan peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling secara **ringkas**.

Bahagian B

Soalan 1

Setiap anak seharusnya mempunyai impian untuk menjadi individu kebanggaan keluarga.

Berikan komen anda.

Diharapkan calon dapat memberi komen yang menunjukkan persetujuan dengan pernyataan bahawa setiap anak seharusnya mempunyai impian untuk menjadi individu kebanggaan keluarga.

Contoh Jawapan Cemerlang

Setiap anak yang berjiwa penyayang perlulah tersemat dalam sanubari mereka untuk menjadi individu kebanggaan keluarganya. Keluarga mana yang tidak ingin melihat anak mereka menjadi insan yang sempurna pada mata mereka, masyarakat apatah lagi pada pandangan Allah yang Maha Esa? Semua keluarga menginginkannya dan berbangga dengannya. Oleh hal yang demikian, anak-anak bukanlah sekadar memasang impian untuk menjadi insan kebanggaan keluarga, bahkan perlu mengorak langkah bergaya ke arah wawasan muni tersebut. Namun demikian, pastinya persoalan yang timbul dalam minda kita apakah impian seorang anak yang seharusnya terpuhat dalam jiwa mereka untuk menjadi individu kebanggaan keluarga? Impian inilah yang akan dikupas dengan lebih mendalam dalam kesinambungan wacana seterusnya.

Calon dapat memberikan **komen yang menunjukkan persetujuan** dengan pernyataan bahawa setiap anak seharusnya mempunyai impian untuk menjadi individu kebanggaan keluarga

Bunga cendana bunga teratai, idea perdana pembuka tirai. Sebagai idea perdana, seharusnya anak yang mempunyai jiwa yang hebat, perlulah memiliki impian untuk menjadi insan yang mantap dan segi aqidah dan ibadahnya kepada Allah swt. Impian ini jika tersemat dalam jiwa anak-anak tentulah ianya akan menjadi hadiah yang paling dibanggakan oleh keluarganya, apa lagi kepada ibu bapa yang melahirkannya. Mengapakah hal ini dikatakan sedemikian? Hal ini sedemikian tidak lain tidak bukan adalah kerana anak-anak yang menjadi anak yang soleh disisi agama dengan kekuatan aqidah dan ibadah sudah pastinya mengembirakan hati ibu bapa. Anak yang sentiasa berpegang teguh dengan ajaran agama seperti tidak meninggalkan solat fardu, berpuasa penuh dalam bulan Ramadan, tidak melakukan perkara maksiat pastinya dibanggakan oleh keluarga mereka. Ringkasnya, dengan kekuatan iman mengenggam syariat dihiaskan lagi dengan ringan dan badan menhentikan ibadat perlulah menjadi impian anak-anak untuk diwujudkan kepada ibu bapa. Sudah terang lagi bersuluh menunjukkan bahawa bagi membanggakan ibu bapa, anak-anak hendaklah sentiasa berpegang teguh dengan pegangan agama.

Calon dapat memberikan **komen** dengan pernyataan bahawa setiap anak seharusnya mempunyai impian untuk menjadi individu kebanggaan keluarga. **Idea** yang dikemukakan **relevan** mengikut tugas. Idea yang dikemukakan ialah mempunyai jiwa yang hebat, berpegang teguh pada ajaran agama, dan cemerlang dalam bidang akademik. Setiap **idea** yang dikemukakan **mengandungi ayat topik, ayat huraian, ayat contoh dan ayat penegasan idea**. Idea telah **dihuraikan** dengan **jelas, matang** dan disertakan dengan **contoh yang sesuai**.

Bahasa Sanskrit bahasa lama, fakta, konkrit memenuhi kata. Fakta selanjutnya, anak-anak hamalah mempunyai impian untuk menjadikan diri mereka berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran atau akademik bagi membanggakan keluarga mereka. Pembahasa ada mencirikan, usaha tangga kejayaan. Oleh hal yang sedemikian, anak-anak perlulah berusaha mengerah keingot dan menajam minda bagi mencapai kecemerlangan akademik. Pencapaian bukan sahaja sehingga menogapai menara gading tetapi ^{mampu} ~~mampu~~ membawa pulang gulungan ijazah, ijazah tinggi, bahkan hingga ke peringkat doktor falsafah, perlulah berusaha sebagai penanda kasih sayang ^{kepada} ibu bapa dan keluarga. Lihatlah bagaimana ibu bapa yang gembiranya hati mereka terhadap kejayaan anak-anak mereka. Pasti ada ibu bapa yang tidak menyedari mehitisnya air ^{mata} mereka ~~ter~~ tatkala merasa terlalu bangga dan bersyukur yang amat sangat dengan kejayaan anak-anak kesayangan mereka. Pendeknya, kejayaan anak-anak dalam bidang akademik dan pelajaran pasti membanggakan ibu bapa mereka.

Terdapat jalinan idea antara satu perenggan dengan perenggan yang lain. Calon menggunakan pelbagai ayat majmuk yang gramatis serta penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik dari segi keindahan bahasa seperti peribahasa untuk mengukuhkan idea. Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Idea diolah dengan sangat menarik dan berkesan. Pemerenggan seimbang dan menimbulkan kesan kepada pembaca. Calon juga merancang penulisan karangan dengan teratur. Karangan dimulakan dengan pendahuluan, huraian idea dan kesimpulan.

Pada akhir kalam ini, izinkan pena membuat kesimpulan. Secara keseluruhannya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa anak-anak terutama perlu dan wajib memiliki impian serta berusaha menjadikan impian mereka sebagai satu kenyataan untuk membanggakan keluarga. Adalah diharapkan anak-anak yang menjadi tulang belakang dan generasi pelapis negara pada masa akan datang mempunyai jati diri yang mantap untuk dibanggai keluarga terlebih dahulu. Kemudian mengorak langkah untuk menjadi insan yang kemudiannya membanggakan masyarakat, negara, bahkan hingga puncak kepuncak antarabangsa. Sebagai penutup bicara, sahutlah seruan ini, "wahai anak-anak muda pasanglah impian, kotakanlah kata bagi merealisasikan individu yang membanggakan keluarga! .

Pada bahagian kesimpulan, calon dapat merumus keseluruhan idea dengan menyatakan harapan yang tinggi dan diselitkan ungkapan menarik, iaitu wahai anak-anak muda pasanglah impian, kotakanlah kata bagi merealisasikan individu yang membanggakan keluarga!

Soalan 2

Sekolah turut berperanan dalam pemupukan amalan mencintai alam sekitar dalam diri murid-murid.

Huraikan peranan sekolah dalam pemupukan amalan tersebut dalam diri murid-murid.

Adakah calon dapat menghuraikan peranan sekolah untuk memupuk amalan mencintai alam sekitar dalam kalangan diri murid-murid.

Contoh Jawapan Cemerlang

Dewasa ini, kita dapat saksikan bahawa berlakunya pencemaran alam sekitar yang ~~dilakukan~~ dilakukan oleh tangan-tangan ^{dujuna} ~~parasak~~ / yang tidak ~~berasa~~ bertanggungjawab menjaga alam yang ~~tidak~~ memainkan peranan penting kepada seluruh manusia. Contohnya, ~~meleka~~ berlaku pencemaran sisa toksik di sungai lalu menyebabkan ~~beratus beratus~~ puluhan hingga ratusan haiwan yang mati hanya disebabkan oleh ^{tangan-tangan} / manusia yang ~~tidak~~ ^{tidak} mengertikan tanggungjawab. Oleh yang demikian, sekolah merupakan salah satu elemen yang penting untuk memainkan peranan mereka dalam memupuk amalan mencintai alam sekitar dalam diri murid-murid. Peribadi pembicara memelayu ada mengatakan bahawa melentur buluh biarlah dari rebungnya. Tujuan utama alam sekitar perlu dijaga kerana seluruh manusia di muka bumi ini bergantung kepada alam sekitar untuk keperluan sehaiwan. Oleh hal yang demikian, apakah peranan sekolah dalam pemupukan amalan mencintai alam sekitar dalam diri murid-murid?

Calon menjawab tugas soalan dengan tepat. Calon dapat menghuraikan peranan sekolah dalam memupuk amalan mencintai alam sekitar dalam diri murid-murid.

Pada perspektif yang berbeza, seseorang turut berperanan dalam memupuk amalan mencintai alam sekitar dalam diri murid-murid seperti memberikan pendidikan tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan ~~mempaparkan~~ mengajarkan kepada murid-murid tentang ~~st~~ penjagaan alam sekitar yang betul. Guru boleh mengajar kepada murid-murid tentang topik alam sekitar di dalam kelas dan menghuraikannya dengan lebih jelas bahawa amalan mencintai alam sekitar ini sangat penting dalam kehidupan. Dengan melalui pendidikan dan pembelajaran yang diberikan oleh guru-guru, murid-murid dapat menambahkan ilmu pengetahuan sedia ada mereka seterusnya akan menggalakkan mereka untuk mengamalkannya kerana ilmu tanpa amal ibarat pohon yang tidak berbuah. Sebagai contoh apabila murid-murid yang telah belajar tentang topik kepentingan mencintai alam sekitar, seseorang murid itu akan mempraktikkannya mungkin apabila mereka melihat sampah di jalan, mereka akan terus mengambil dan membuangnya. Hal ini dapat memupuk ~~st~~ amalan mencintai alam sekitar dalam kalangan murid-murid. Murid-murid juga akan lebih rasa bertanggungjawab untuk menjaga dan mencintai alam sekitar setelah mereka mempelajari di sekolah. Secara tidak langsung, dengan adanya pendidikan tentang amalan mencintai alam sekitar dapat membentuk sikap cintakan negara dalam sanubai murid-murid. Seterusnya menjadikan negara kita mampu duduk sama rendah berdiri sama tinggi seperti negara-negara maju dan membangun yang lain. Izharah bahawa pendidikan dan pembelajaran yang diberikan oleh guru merupakan peranan sekolah memupuk amalan mencintai alam sekitar dalam diri murid-murid.

Calon dapat menjawab tugas soal dengan **tepat**. Calon juga dapat menghuraikan peranan sekolah dalam memupuk amalan mencintai alam sekitar dalam diri murid-murid. Idea yang dikemukakan tentang peranan sekolah dihuraikan secara terperinci dan teratur seperti memupuk amalan mencintai alam sekitar. Calon memberikan contoh yang tepat iaitu murid mempraktikkan amalan mencintai alam sekitar di mana-mana sahaja. Setiap idea yang dikemukakan mengandungi **ayat topik, ayat huraian, ayat contoh dan ayat penegasan idea**. Idea dihuraikan dengan jelas, matang dan disertakan dengan contoh yang sesuai. Terdapat jalinan idea antara satu perenggan dengan perenggan yang lain. Calon menggunakan pelbagai **ayat majmuk** yang **gramatis** serta penggunaan kosa kata yang **luas dan tepat**.

Jika kita lihat isu ini daripada kaca mata yang
 berbeza, kemudiannya kemudiannya tamam di sekolah mampu menghasilkan
 pelajar yang kreatif, iaitu, iaitu. Pihak sekolah
 boleh melaksanakan pertandingan taman-taman ^{bunga} tercantik
 dan dalam kalangan pelajar, mengikut kelas. Kita dapat
 lihat dalam kⁱⁿⁱ dan lain yang yang mereka mereka
 taman pelbagai era dan kreativiti. ~~Set~~ Para pelajar
 dapat menggunakan konsep guna semua dalam penggunaan
 barang-barang, taman seperti botol korong ^{dan} ~~yang~~
 yang yang pelbagai para ini mereka mereka mendorong
 pelajar sayang akan taman masing-masing tetapi
 dapat menerapkan kemahiran berkebun dan kreativiti
 menghasilkan taman. Supaya untuk diingati akan ada
 dan pelajar yang tidak mengikut menyinari semangat ini
 tetapi semangatnya berbilang daripada sedikit, sedikit 1993-
 1993 jadi bukit, 1993-1993 dan itu pelajar 1993-1993
 yang yang terpengaruh. Tetapi, ini ini sedikit in
 akan lebih terlatih jika dilaksanakan secara praktikal.

Penggunaan gaya bahasa yang menarik dari segi keindahan bahasa seperti **penggunaan peribahasa untuk mengukuhkan idea**. Idea diolah dengan sangat menarik dan berkesan. Pemerenggan seimbang dan menimbulkan kesan kepada pembaca. Calon juga merancang **penulisan** karangan dengan **teratur**.

yang berbeza kepada murid-murid seperti menyapu
 sampah, mengutip dan membuang sampah ke dalam tong
 sampah dan ~~mengumpul~~ mengemas kawasan yang ber
 kotor. Got Aktiiti gotong-royong ini bukan sahaja,
 dapat dilakukan di padang sekolah, namun di dalam
 kelas juga gotong-royong dapat dilakukan di samping
 mengeratkan hubungan antara guru dan pelajar. Hal ini
 dapat menimbulkan rasa tanggungjawab terhadap
 terhadap diri murid-murid untuk menjaga alam sekitar.

Calon menjawab tugas soalan dengan tepat. Calon dapat menghuraikan peranan sekolah dalam memupuk amalan mencintai alam sekitar dalam diri murid-murid. Idea yang dikemukakan tentang peranan sekolah dihuraikan secara terperinci dan teratur. Setiap idea yang dikemukakan mengandungi ayat topik, ayat huraian, ayat contoh dan ayat penegasan idea. Idea dihuraikan dengan jelas, matang dan disertakan dengan contoh yang sesuai.

Selain itu, sekolah juga ~~boleh~~ perlu mengadakan pertandingan menjaga alam ~~sekitar~~. Perkara ini dapat dilakukan dengan ~~menyi~~ menyediakan ^{suatu satu} sudut taman yang khas bagi setiap kelas ^{supaya} untuk mereka dapat mencecaikan dan membersihkan taman masing-masing. Perkara ini dapat menimbulkan perasaan ~~bertumba~~ berlumba-lumba dalam menjaga alam sekitar. Di samping itu juga, murid-murid akan gembira kerana pelbagai idea kreatif mereka dapat ditunjukkan semasa mencecaikan alam sekitar. Justeru, murid-murid ~~boleh~~ lebih cepat ^{mem} ^{mempelajari} ~~berbagai~~ ~~untuk~~ cara menjaga alam sekitar dengan sewajarnya. Contohnya, jika murid-murid menjumpai tong yang dipenuhi air berserta kehadiran jentik-jentik, ~~mereka~~ mereka akan membuang air tersebut dan menterbalkkan tong itu kerana mengingati ^{akan} ~~peranan~~ guru mereka di dalam kelas yang mengatakan bahawa jentik-jentik amat berbahaya ^{dan perlu dibunuh,} ~~kepada~~ ~~diri~~. Hal ini dikatakan demikian kerana, jentik-jentik ~~merupakan~~ akan menjadi nyamuk yang menyebarkan penyakit kepada manusia.

Seterusnya, peranan sekolah dalam memupuk amalan tersebut ialah mengadakan ~~kegiatan~~ ke ~~tempat~~ tempat-tempat ~~ke~~ rekreasi. Contohnya, ~~membawa guru~~ guru-guru membawa murid-murid ke ~~tempat~~ ~~tempat~~ ^{Tempat} Simpanan Hutan Hujan ~~ke~~ Tropika. Hal ini dapat menyetuskan lagi rasa menghargai alam sekitar. ~~Di~~ Di situ, murid-murid ~~akan~~ akan mempelajari ~~banyak~~ banyak ilmu-ilmu yang berkaitan dengan alam sekitar. Di samping itu, ~~juga~~ juga, murid-murid akan sedar bahawa mereka juga bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar. Peribahasa ada mengatakan bahawa mencegah lebih baik daripada mengubati. Oleh itu, pendedahan amalan mencintai alam sekitar ~~akan~~ akan membuat murid-murid ini sedar bahawa memelihara ^{alam sekitar} itu lebih baik daripada memulihara. ~~Selain itu, jika~~ Hal ini, dapat meningkatkan ~~kesedaran~~ kesedaran murid-murid ^{sehinggakan} ~~ata~~ amalan mencintai alam sekitar ini disebabkan kepada ibu bapa dan ahli keluarga murid-murid tersebut.

Terdapat jalinan idea antara satu perenggan dengan perenggan yang lain. Calon menggunakan pelbagai **ayat majmuk** yang **gramatis** serta penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. Penggunaan **gaya bahasa** yang **menarik** dari segi keindahan bahasa seperti penggunaan peribahasa seperti "mencegah lebih baik daripada mengubati" untuk mengukuhkan idea. Idea diolah dengan sangat menarik dan berkesan. **Pemerenggan seimbang** dan menimbulkan kesan kepada pembaca. Calon juga merancang penulisan karangan dengan teratur. Karangan dimulakan dengan penulisan pendahuluan, idea dan kesimpulan.

luthaunga, sudah terang lagi bersuluh bahawa banyak peranan yang dimainkan oleh sekolah dalam pemupukan amalan mencintai alam sekitar dalam diri murid-murid. Harapan agar setiap sekolah di negara kita dapat memainkan peranan bersama agar dapat melahirkan generasi yang cinta akan alam sekitar yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara luar di seantero dunia. Oleh itu, setiap pihak dalam sesebuah sekolah perlu memberikan komitmen yang sewajarnya agar masyarakat alam baru yang ditahap boleh menjadi mercu tanda dunia dan dicontohi oleh masyarakat yang lain dalam hal alam sekitar. Sebagai kesimpulannya, sekolah pemupukan amalan mencintai alam sekitar perlu didominasi oleh ^{pihak}sekolah kerana kehidupan seseorang dalam menjadi individu yang berkualiti bermula di bangku sekolah. Sebenarnya, kepentingan alam sekitar hanya akan terjamin apabila seluruh manusia mempunyai kesedaran kerana manusia mampu untuk menjadi penyumbang utama atau pemusnah utama terhadap alam sekitar.

Pada bahagian kesimpulan, calon dapat merumus keseluruhan idea dengan menyatakan harapan agar setiap sekolah di negara kita dapat memainkan peranan bersama bagi melahirkan generasi yang cinta akan alam sekitar. Diselitkan juga ungkapan menarik, iaitu duduk sama rendah berdiri sama tinggi.

Soalan 3

Sebagai negara yang subur dan kaya dengan pelbagai sumber, Malaysia seharusnya menuju ke arah negara yang membekalkan makanan yang cukup kepada rakyatnya di samping mengurangkan kebergantungan kepada makanan yang diimport.

Jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang menghasilkan makanan yang cukup untuk rakyatnya.

Diharapkan calon dapat menjelaskan langkah-langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menghasilkan makanan yang cukup untuk rakyatnya.

Contoh Jawapan Cemerlang

Beribu-ribu tahun yang lalu, kita ketahui bahawa Tamadun Hwang Ho merupakan satu tamadun yang kaya dengan hasil pertanian dan ^{asap memenuhi kepulauan} ~~mencepai beberapa kemajuaan~~ penduduk pada ketika itu. ~~dalam bidang itu~~ Tidak ~~kelua~~ lupa juga ^{pada} Zaman Kogemilangan Melayu Melaka, tanah Semenanjung ini amat kaya dengan pelbagai sumber semula jadi dan menjadi rebutan pelbagai kuasa imperalisme barat suatu ketika dahulu. Bagaimana pula dengan Malaysia hari ini? Negara kita yang tercinta ini seharusnya meneruskan kogemilangan zaman dahulu dan mengambil iktibar daripada tamadun awal dunia untuk menjadikan negara kita cukup dalam membekalkan makanan kepada rakyat sendiri dan ^{bekalan makan} ~~tidak~~ terus mengharap ^{negara jiran} ~~hasil pertanian~~ daripada negara luar. ^{terutama} ~~Inland~~ Sektor pertanian ini seharusnya menjadi sektor utama dalam memajukan pembangunan negara ^{dalam pengeluaran makanan} ~~berjalan lancar~~ kerana ^{hasil} ~~makanan~~ itu sendiri menjadi asas kehidupan rakyat di Malaysia. Namun, terdapat segelintir masyarakat yang memandang rendah sektor ini dan lebih cenderung untuk mengambil jalan mudah dengan menceburi bidang profesional. Oleh itu, pihak kerajaan mahupun swasta haruslah berganding bahu untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menghasilkan makanan yang cukup untuk rakyatnya.

Pada bahagian pendahuluan calon menjawab tugas soal dengan tepat. Calon dapat **menjelaskan tentang kepentingan** sektor pertanian bagi memastikan pembangunan negara dalam pengeluaran makanan berjalan lancar.

Langkah pragmatis dalam usaha ^{untuk mencapai} ~~mengadakan~~ matlamat tersebut ~~ia~~ adalah dengan membuka ~~kaw~~ lebih banyak kawasan pertanian yang baru bagi menggalakkan generasi muda menceburi bidang ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka sering dihantui oleh kerisauan dalam menceburi bidang pertanian kerana terlalu banyak risiko seperti ~~masa~~ risiko tanaman tidak subur, diserang serangga perosak atau tidak mendapat kawasan yang cukup untuk memperluaskan tanaman mereka. Cuba anda bayangkan jika ~~tidak~~ tidak ada generasi muda yang berminat untuk ~~meng~~ membangunkan sektor pertanian, maka tidak lagi minyak sawit buatan Malaysia, padi keluaran tempatan dan hanya makanan daripada negara ^{luar} ~~man~~. Kerajaan semestinya akan mengeluarkan belanja yang tinggi hanya untuk memenuhi keperluan asas rakyatnya ~~berbanding~~ daripada untuk terus fokus dalam pembangunan negara. Negara kita akan terus ketinggalan dalam arus kemajuan dunia dan dikenali sebagai negara yang bergantung harap ~~daripada~~ ^{kepada} negara luar. Pembukaan tanah

Calon berupaya menulis idea yang relevan mengikut tugas soalan. Calon menjelaskan tentang **langkah-langkah** untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menghasilkan makanan yang cukup untuk rakyatnya. Antara idea yang dikemukakan adalah membuka lebih banyak kawasan pertanian yang baru. Idea dikemukakan dengan **jelas dan matang**. Calon memberikan contoh-contoh bersesuaian dengan tajuk yang diberikan. Terdapat **jalinan idea antara satu perenggan dengan perenggan yang lain**.

Langkah yang seterusnya ialah kerajaan Malaysia haruslah menyediakan teknologi yang moden kepada penggiat-penggiat bidang pemprosesan makanan di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang ini masih bergantung harap kepada penggunaan teknologi lama berbanding negara luar yang sudah jauh ke hadapan meninggalkan Malaysia dari segi penggunaan teknologi. Teknologi ini dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan dalam masa yang singkat di samping menggunakan tenaga manusia yang sudah semestinya lebih menyusahkan. Di samping itu juga, keperluan manusia yang semakin meningkat memerlukan makanan diproses dengan lebih cepat dan ~~kan~~ efektif agar keperluan itu tidak dipenuhi oleh hasil keluaran negara luar. Penggunaan teknologi yang tinggi dalam bidang ini juga dapat menarik lebih ramai generasi muda untuk menceburi bidang ^{pengeluaran makanan} ~~pemakanan~~ kerana mereka lebih mudah cenderung untuk menceburi bidang yang berteknologi tinggi. Pihak kerajaan dan ~~sw~~ ~~pihak~~ & bukan kerajaan haruslah bekerjasama bagi ~~aur~~ dengan tebihg untuk mengumpul dana bagi memenuhi keperluan teknologi dalam bidang pemprosesan makanan agar pengeluaran makanan di peringkat tempatan ~~mem~~ dapat ditingkatkan.

Calon menggunakan pelbagai **ayat majmuk yang gramatis** serta penggunaan **kosa kata yang luas dan tepat**. Gaya bahasa yang digunakan **menarik** dari segi keindahan bahasa seperti **peribahasa** untuk mengukuhkan idea. Penggunaan unsur bahasa **bervariasi** manakala laras bahasa sesuai dengan tugas.

Kesimpulannya, semua pihak seharusnya ~~bekerja~~
~~bergerak seiring~~
~~bersama-sama~~ dalam meningkatkan pengeluaran makanan
dengan membantu pengusaha-pengusaha dalam bidang
pengeluaran makanan agar masa depan negara lebih
terjamin. Malaysia tidak seharusnya menjadi negara yang
sering mengharapkan bantuan negara luar ~~terutama~~
khususnya ~~dapo~~ dalam mendapatkan bekalan makanan.
Bagaimana hendak dipanggil sebagai negara maju jika
bekalan makanan sendiri terus bergantung kepada
negara luar? ^{Oleh} itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab
haruslah memainkan peranan masing-masing agar
mpian ~~ma~~ Malaysia untuk menjadi negara yang
nembekalkan makanan yang cukup kepada
rakyatnya dapat direalisasikan.

Pada bahagian kesimpulan, calon dapat **merumuskan** keseluruhan idea dengan mantap. Calon menyatakan harapan agar semua pihak seharusnya bergerak seiring dalam meningkatkan pengeluaran makanan.

Soalan 4

Anda ingin menulis sebuah rencana dalam akhbar tempatan. Tajuk rencana anda ialah “Kebaikan-kebaikan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kepada Masyarakat Antarabangsa”.

Tulis rencana itu selengkapnya.

Diharap calon dapat menulis rencana tentang kebaikan-kebaikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi kepada masyarakat antarabangsa.

Contoh Jawapan Calon Cemerlang

~~Kebaikan Kebaikan Penggunaan Teknologi Maklumat CT~~
~~Kepada Masyarakat Antarabangsa~~

Oleh : Iman Sufia Shahril

"Semua lapisan masyarakat tidak kira berbeza warna kulit, berlainan bangsa dan kaum, mahupun berbeza agama sekalipun, tidak terkecuali dalam memanfaatkan kemudahan yang ada iaitu Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) sebagai wadah utama dalam meluaskan horizon pemikiran serta dalam segala tidak-tanduk dalam memajukan negara kerana teknologi ini amat penting dalam memacu Transformasi Negara dalam apa jua bidang"

Seruan di atas dilancarkan dengan begitu megah, penuh kesungguhan serta keyakinan yang meyakinkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keenam iaitu Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak kepada masyarakat madani semasa persidangan beliau iaitu Bajet 2015. Beliau begitu memementahkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam setiap tutur katanya dan dalam setiap ~~perjumpaan~~ ^{persidangan} beliau tidak kira bersama para pemimpin yang arif lagi bijaksana, dif-dif kehormat dari setiap pelusuk dunia serta tidak dilyakan juga buat seluruh rakyat Malaysia. Diyakini juga bahawa seruan keramat ini pasti menjadi saksi yang unggul kepada setiap individu dan segenap lapisan masyarakat di persada global bagi menunjukkan bahawa negara kita sudah berstap staga dalam merealisasikan ~~wawasan~~ ^{misi} yang semakin hampir dan bakal mengubah dimensi baru dan imej negara dalam segala sektor iaitu Wawasan 2020. Tetapi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) ini juga pasti menjadi elemen yang utama bagi setiap negara iaitu ^{juga} tidak kira dari negara-negara jiran, negara-negara Barat mahupun negara-negara Eropah yang iaitu kerana teknologi ini amat signifikan dalam kemajuan sesebuah negara

Pada bahagian pendahuluan calon menjawab tugas mengikut kehendak soalan. Calon menulis rencana tentang **kebaikan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kepada masyarakat antarabangsa.**

Pertama, kebaikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) kepada masyarakat antarabangsa ialah sekehlap lapisan masyarakat dapat berkomunikasi antara satu sama lain serta bertukar-tukar pendapat. Hal ini dikatakan demikian kerana Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dapat menghybunskan setiap lapisan masyarakat dan seluruh dunia tanpa limitasi melalui pelbagai medium yang ada seperti blog-blog, laman-laman sesawang serta tidak lupa juga ~~dan~~ melalui media-media sosial yang kini menjadi 'makanan' yang paling perdana buat setiap masyarakat dalam menjalankan kehidupan seharian. Setiap lapisan masyarakat dapat berko menambah kenalan melalui daripada negara-negara yang lain dan secara tidak langsung dapat bertukar-tukar pendapat mengenai segala isu yang hangat diperkatakan. Setiap isu seperti isu-isu keganasan, perkauman serta kemansudasi kaum yang kini hangat seperti 'pizang goreng panas' boleh menjadi tajuk yang utama ketika berkomunikasi antara satu sama lain. Hal ini akan me dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang luas tentang isu-isu global yang berlaku serta tidak lupa juga dapat mengasah kemahiran komunikasi yang tinggi seperti berdebat yang boleh diaplikasikan di alam mater nanti. ~~At~~ Setiap masyarakat di persada global ini juga akan mendapat manfaat apabila hubungan silaturahim dapat ter terjalin antara satu sama lain melalui teknologi ini yang sinonim dengan ~~se~~ slogan kata 'dunia tanpa sempadan'. Maka, sudah terang lagi bersuluh bahawa Teknologi Maklumat dan Komunikasi ini memberikan seribu satu manfaat kepada masyarakat antarabangsa dalam membina perpaduan yang utuh di persada dunia.

Calon dapat menulis **idea yang relevan** mengikut tugas soal. Huraian tentang kebaikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) kepada masyarakat antarabangsa dikemukakan dengan jelas dan matang. Calon mengemukakan contoh-contoh **kebaikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam masyarakat antarabangsa**. Calon menulis beberapa contoh negara seperti negara Jepun, China dan Amerika Syarikat. Terdapat jalinan idea antara satu perenggan dengan perenggan yang lain.

Di samping itu, salah satu dampak kebaikan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) ini kepada masyarakat antarabangsa ialah dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang kukuh dalam setiap komuniti masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana hampir seluruh masyarakat di seluruh dunia menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) ini dalam kehidupan seharian. Mereka setiap pelusuk masyarakat dan setiap negara dapat mengetahui tentang isu-isu semasa yang berlaku seperti isu pelarian Rohingya yang kian diperkatakan kini yang menjadi mangsa yang tidak bersalah serta isu kehilangan nyawa yang berlaku di Kota New York iaitu ^{individu-individu} pertanggung yang tidak bersalah yang sedang meraikan tahun pengajian mereka di New York yang telah dilanggar oleh seorang lelaki mengayak van yang memukul kemarahan Presiden Amerika Syarikat yang terkini iaitu Donald Trump. Selain dampak itu juga, masyarakat antarabangsa dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang pendidikan melalui pembelajaran abad ke-21 iaitu dengan menggunakan teknologi ini untuk pelajar ^{masyarakat} antarabangsa khususnya para pelajar tidak kira di peringkat sekolah rendah dan menengah serta di peringkat menengah atas sekalipun dapat menambahkan maklumat dalam setiap mata pelajaran yang dipelajari dalam sistem pendidikan.

Calon dapat menggunakan **pelbagai ayat majmuk** yang gramatis serta penggunaan **kosa kata yang luas dan tepat**. Gaya bahasa yang digunakan **menarik** dari segi keindahan bahasa seperti ungkapan menarik untuk mengukuhkan idea. Penggunaan unsur bahasa **bervariasi** manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Calon dapat mengolah idea dengan sangat menarik dan berkesan. Pemerenggan seimbang dan sesuai. **Wacana lengkap** dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Calon merancang penulisan karangan dengan teratur mengikut urutan pendahuluan, idea dan kesimpulan.

Kesimpulannya, penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) mendatangkan variasi kebaikan khususnya kepada masyarakat antarabangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan teknologi ini amat efektif dalam menjangkakan segala keperluan dalam segala bidang oleh masyarakat antarabangsa. Diharapkan agar penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ini dapat menjadi kewajipan bagi setiap negara dalam memajukan setiap pemikir masyarakat serta merealisasikan misi keramat dunia.

Pada bahagian kesimpulan, calon dapat menyimpulkan **keseluruhan idea dengan mantap**. Calon menyatakan harapan agar penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dapat memajukan pemikiran masyarakat bagi merealisasikan misi keramat dunia.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon-calun perlu banyak membaca bahan seperti majalah, akhbar, jurnal untuk menambahkan pengetahuan, mematangkan fikiran, dapat mengikuti perkembangan semasa dan memantapkan penguasaan bahasa.
2. Calon hendaklah peka terhadap isu-isu semasa agar setiap idea yang disampaikan lebih bernas dan matang.
3. Idea yang relevan perlu dihuraikan dengan jelas, disokong dengan contoh-contoh yang sesuai.
4. Calon perlu memantapkan penguasaan tatabahasa, umpamanya latihan membina ayat, penggunaan imbuhan, aplikasi tatabahasa dalam ayat, aplikasi pembentukan perkataan; kata dasar kepada kata terbitan dan sebaliknya.
5. Calon-calun hendaklah sentiasa berlatih untuk menguasai pembinaan perenggan deduktif, induktif serta perenggan gabungan kedua-duanya.
6. Calon mestilah rajin merujuk kamus dan seperti Kamus Dewan untuk menambahkan pengetahuan tentang makna kata.
7. Calon hendaklah selalu membuat latihan menulis karangan dalam pelbagai format agar dapat menguasai semua format karangan dan dapat menyampaikan buah fikiran dengan bahasa yang lancar dan pengolahan yang menarik.
8. Sebelum menjawab soalan calon perlu mengetahui bahawa setiap soalan mengandungi dua bahagian, iaitu stimulus dan tugas soalan. Seterusnya calon perlu membaca setiap soalan, kemudian membuat pilihan soalan yang hendak dijawab, menganalisis kehendak soalan, membina rangka karangan dan akhirnya menulis karangan yang dipilih.
9. Calon perlu menggunakan kosa kata luas dan tepat serta ayat-ayat yang gramatis dengan pengolahan yang menarik.
10. Penanda wacana yang betul hendaklah digunakan dalam karangan yang ditulis.
11. Jika ingin memasukkan unsur sastera seperti pantun, peribahasa atau perumpamaan pastikan calon benar-benar arif tentang unsur-unsur sastera berkenaan sama ada daripada segi maknanya mahupun penggunaan atau penulisannya. Calon tidak boleh mengubah struktur asal peribahasa tersebut.
12. Pastikan karangan yang ditulis disemak terlebih dahulu agar dapat mengurangkan atau mengelakkan sebarang kesalahan dalam aspek bahasa, ejaan dan kesalahan-kesalahan lain.

CADANGAN KEPADA GURU

1. Guru perlu membaca pelbagai bahan dan menambahkan pengetahuan, fakta dan maklumat sesuai dengan perkembangan semasa.
2. Guru perlu memantapkan asas penulisan karangan kepada murid pada peringkat menengah rendah lagi agar para pelajar memahami cara merangka karangan, format menulis karangan dan mengembangkan isi dengan lebih berkesan.
3. Guru perlu membincangkan pelbagai isu semasa dengan pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran agar pelajar dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menulis.
4. Kursus pemeriksaan kertas Bahasa Melayu SPM perlu didedahkan kepada guru baharu agar mereka memahami cara pemeriksaan kertas Bahasa Melayu untuk membantu para pelajar di sekolah masing-masing.
5. Guru perlu sentiasa merujuk Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan untuk memantapkan penguasaan bahasa Melayu.
6. Guru perlu mengenal pasti kumpulan pelajar yang lemah dalam penguasaan bahasa supaya dapat mengadakan bengkel kemahiran bahasa kepada pelajar yang terlibat.
7. Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran yang menarik dan berkesan serta penggunaan media ICT untuk menarik minat pelajar.
8. Guru perlu memberikan latihan karangan yang cukup kepada pelajar supaya mereka dapat menguasai pelbagai jenis kemahiran penulisan.